

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 APRIL 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Inflasi Malaysia dijangka 2.5 peratus

KEWANGAN

Inflasi Malaysia dijangka 2.5 peratus

KUALA LUMPUR - Inflasi keseluruhan Malaysia dijangka menyederhana kepada sekitar 2.5 peratus pada 2024, mencerminkan keadaan kos dan permintaan yang stabil, kata Bank Dunia,

Bagaimanapun, ia tertakluk kepada perubahan dalam subsidi kerajaan dan langkah kawalan harga yang berpotensi akan berlaku, katanya dalam Kemas Kini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik April 2024.

"Inflasi teras juga mungkin akan menurun pada 2024 dan kemiskinan dijangka terus berkurangan," katanya.

Bank Dunia menekankan bahawa pada Januari 2024, inflasi Malaysia berada pada 1.5 peratus manakala

inflasi teras juga menyederhana kepada 1.8 peratus.

"Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0 peratus pada Mac dan dasar monetari dianggap menyokong ekonomi.

"Bank pusat juga menjangkakan inflasi kekal sederhana apabila keadaan kos dan permintaan stabil. Bagaimanapun, walaupun inflasi yang sederhana, isi rumah berpendapatan rendah telah mengalami inflasi yang lebih tinggi," katanya.

Pada Disember 2023, inflasi bagi isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 sebulan adalah 1.7 peratus,

lebih tinggi daripada inflasi keseluruhan sebanyak 1.5 peratus.

Ia menjejaskan kumpulan pendapatan berkecukupan secara tidak seimbang kerana perbelanjaan mereka lebih tinggi untuk keperluan.

Pada masa yang sama, Bank Dunia menyatakan bahawa sasaran sifar kemiskinan tegar kerajaan telah dicapai di beberapa negeri.

Namun begitu, ia menekankan bahawa pandangan lebih luas dan sasaran pembasmian kemiskinan yang lebih bercita-cita tinggi melebihi kadar 0.2 peratus kemiskinan tegar negara semasa turut diperlukan. - *Bernama*